

26
"Pakai kain kuning tapi lari
dulu tinggalkan pelajar wanita"

MAHATHIR: GESTAPO PENGECEUT



DR. MAHATHIR

KUALA LUMPUR
11 JANUARI

U.M. 12 JAN 1976

PARA pelajar yang menggelarkan diri mereka GESTAPO dan merampaskuasa kampus ITM di Shah Alam Isnin lalu adalah "pengecut", kata Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Ini adalah kerana para pelajar itu yang kononnya berani, dengan memakai kain kuning di kepala, talah cabut lari dari kampus awal-awal lagi meninggalkan hanya kumpulan dakwah, yang kebanyakannya terdiri dari perempuan, untuk menghadapi tindakan.

Menteri Pelajaran itu lalu mengulangi pendiriannya untuk bertindak tegas ke atas mereka yang bertanggungjawab itu.

"Pengacau-pengacau itu mesti disingkir" tegas beliau.

Dr. Mahathir lalu mengumumkan perkara-perkara berikut:

- ITM mungkin mengurangkan bilangan pelajarinya dari 7,000 orang yang ada sekarang kepada hanya 4,500 sahaja bila ia dibuka semula tidak lama lagi.

- Berikutan dengan penutupan kampus ITM di Shah Alam dan Jalan Othman itu, setiap orang pelajar tidak lagi dianggap sebagai penuntut ITM. Satu peraturan baru akan dikenakan ke atas mereka bila pendaftaran dibuka semula nanti; dan

- ITM sedia menerima balik semua pelajar yang tidak terlibat dalam peristiwa itu dan mereka yang terpesong tetapi telah insaf, untuk memastikan ITM ujud sebagai sebuah pusat pengajian tinggi yang sebenarnya.

Ketika dihubungi di kediamannya di sini hari ini, Dr. Mahathir berkata bahawa beliau menganggap para pelajar yang menggelarkan diri mereka GESTAPO itu sebagai pengecut.

"Inilah sebaik-baik perkataan yang dapat saya berikan untuk mereka," kata beliau.

Ditanya mengapa beliau berkata demikian, Dr. Mahathir menjawab: "Saya kata begitu kerana merekalah yang lari awal-awal lagi. Saya ulang sekali lagi, mereka pengecut."

Menurut beliau, bila pihak pentadbir mula masuk ke kawasan kampus semalam setelah tempoh yang diberikan untuk mereka pulang telah tamat, yang tinggal hanya kumpulan dakwah terdiri dari kira-kira 120 orang yang kebanyakannya perempuan.

"Tetapi yang menggelarkan diri mereka GESTAPO, yang pakai kain kuning di kepala dan kata nak pukul orang itu, semuanya awal-awal lagi telah lari," kata beliau.

Beliau memberitahu bahawa sekarang ini tidak ada seorang pun pelajar di kampus itu. Kesemua yang masih berada di kampus itu semalam telah dihantar pulang ke kampung masing-masing malam tadi.

Beliau lalu menasihatkan pelajar-pelajar supaya berfikir sedalam-dalamnya sebelum, mengambil sebarang tindakan.

"Contoh yang sebaik-baiknya ialah perbuatan GESTAPO itu. Bukankah sia-sia sahaja kumpulan dakwah itu menjadi alat mereka?" Tanya Doktor Mahathir.

"Dari perbuatan mereka juga, ITM terpaksa ditutup kira-kira sebulan. Siapa yang rugi, tidakkah pelajar-pelajar sendiri," tambahnya.

Beliau berharap ITM

dapat dibuka lebih awal dari yang dijangkakan demi untuk kepentingan pelajar-pelajar Bumiputera.

Ditanya bagaimana dengan masa depan pelajar-pelajar "GESTAPO" itu, Menteri Pelajar memberi jaminan bahawa tindakan tegas tetap akan diambil.

Walaupun pelajar-pelajar telah menyerah diri, katanya, tetapi ini tidak bermakna tindakan tidak akan diambil.

"Masa depan pelajar-pelajar yang ingin belajar mestilah dijamin. Untuk ini pengacau-pengacau mestilah disingkirkan," ujarnya.

Doktor Mahathir kesal kerana kumpulan dakwah itu telah bercampur dengan orang-orang "GESTAPO" yang menurutnya tidak ada supan langsung.

"Ini diceritakan oleh mereka sendiri. Para pelajar GESTAPO itu bercakap pun kotor."

Katanya, nama-nama mereka yang keluar penghabisan semalam telah diambil.

"Kita sedang mengkaji kedudukan pelajar-pelajar yang pelajarannya tidak baik, kelulusannya sangat rendah, mereka yang menghalang pentadbiran, yang membuat kekacauan dan pemimpin-pemimpin pelajar yang menyeleweng dari perjuangan sebenar.

"Mereka ini pada pendapat kita kalau tidak balik

LIHAT MUKA 12

(Ruangan 7)

12 JAN 1976
DARI MUKA 1

pun tidak apa," katanya.

Beliau berpendapat: "Kalau tak ada orang ini, yang lain walaupun bodoh sikit akan dapat belajar tanpa gangguan."

Utusan Malaysia difahamkan bahawa Dr. Mahathir tetap tegas de-

ngan keputusannya untuk membuang mereka yang bertanggungjawab dengan rampas kuasa di ITM itu walaupun ada pihak lain meminta supaya dimaafkan sahaja.

Doktor Mahathir telah melahirkan sedih kerana pemimpin-pemimpin penuntut ITM kebanyakannya tidak lulus, kecuali di dalam tahanan seperti Ibrahim Ali.

"Dalam peperiksaan 74 — 75 ini semuanya tidak lulus," kata beliau terus terang.

Dr. Mahathir Mohamad berkata, berikutan dengan penutupan kampus ITM itu semua pelajar "tidak lagi dianggap penuntut ITM."

Peraturan baru akan dikenakan ke atas para pelajar semasa pendaftaran dibuka semula nanti.

Mereka yang tidak diambil semula mungkin dihantar belajar di kampus lain atau di lain-lain in-

stitusi.

Dr. Mahathir memberitahu beliau akan menemui semua pihak berkenaan untuk membincangkan peraturan baru itu supaya ia selaras dengan matlamat sebenar penubuhan ITM.

"ITM sekarang bukan lagi sebuah institusi pelajaran tinggi yang sebenar memandangkan kepada pergolakan yang berlaku baru-baru ini," katanya.

Peraturan baru itu, katanya lagi, bertujuan memastikan ITM ujud sebagai institusi pelajaran yang sebenarnya.